



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di dalam bidang berkaitan dan pendaftaran masih lagi berkuat kuasa bagi tawaran seperti berikut :-

BIL.	NO.RUJUKAN SEBUT HARGA	JENIS TAWARAN	KOD BIDANG	CATATAN
1	S08/2017	SEBUTHARGA MEREKABENTUK, MENCETAK, MEMBEKAL, DAN MENGHANTAR BAHAN BERCETAK PELBAGAI KEGUNAAN BAGI JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) TAHUN 2017.	221601 dan ePerolehan enabled	Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai 11 Ogos 2017 melalui laman web ePerolehan dan akan ditutup pada 22 Ogos 2017 jam 12.00 tengah hari

1. Sebut Harga ini akan dijalankan secara atas talian sistem ePerolehan. Walau bagaimanapun penyebut harga perlu menyerahkan dokumen tawaran secara manual dan atas talian. **Diingatkan agar penyebut harga menyemak HARGA TAWARAN DAN TEMPOH PEMBEKALAN adalah SAMA** sebelum mengunci masuk ke dalam sistem dan pada dokumen manual. Pihak Jabatan berhak untuk memilih mana-mana harga tawaran yang lebih rendah jika berlaku sebarang perbezaan.
2. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri, serta ditulis Nombor Sebut Harga (contoh: X036102010016XXXXX) dan Nombor Cadangan Penyebut harga (contoh: Y036102010016XXXXX) di sebelah atas kiri sampul surat dan dimasukkan ke

dalam Peti Tawaran di Bahagian Kewangan dan Perolehan, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Aras 7, No.47, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 PUTRAJAYA sebelum tarikh tutup iklan. Tawaran yang dihantar melalui pos hendaklah melalui pos berdaftar dan sampai **sebelum/pada** waktu yang telah ditetapkan.

3. Dokumen Tawaran Sebut Harga yang **lewat** diterima dan yang **tidak mempunyai nombor rujukan** seperti yang telah dinyatakan pada para 2 tidak akan dipertimbangkan.
4. Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600.00 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih; atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800.00 bagi pesanan yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.


11/8/2017
FATIN HAZIRAH BINTI MUHD FADZIL
Penolong Pengarah Perolehan